



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 7 FEBRUARI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MAFI PERUNTUK RM146,100 BANTU PETANI TERJEJAS BANJIR DI KELANTAN, NEGERI KELANTAN/KEDAH, SH -33	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3.	SERBU DAGING DIRAGUI, LOKAL, METRO AHAD -17 GUDANG SIMPAN DAGING SEJUK BEKU DISERBU, NASIONAL, BH -17	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5. 6. 7. 8.	PROJEK DURIAN DIARAH HENTI JULAI 2020, NEGERI KELANTAN/KEDAH, SH -33 TUBUH HAB BENIH PADI IKUT ZON, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -9 JUJALAN BUAH STRAWBERI JATUH MENDADAK, DALAM NEGERI, UM -9 BENIH ANAK IKAN DI TASIK CHENDEROH, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -9 'MODAL BESAR TAPI BERBALOI', XPRESI, METRO AHAD -36	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Projek durian diarah henti Julai 2020

Kedah siasat dakwaan ladang musang king terbesar dibangun di Gunung Inas

Oleh ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

**K**erajaan Kedah akan menyiasat dakwaan sekurang-kurangnya 12,140 hektar tanah bukit antara Kulim dan Baling terutama Gunung Inas telah dibangunkan sebagai ladang durian musang king terbesar di dunia seperti didakwa seorang lelaki dalam sebuah video tular.

Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor berkata, difahamkan ia merupakan video lama

yang kembali ditularkan sebelum arahan berhenti kerja dibuat Julai 2020. Menurutnya, pihaknya telah menangani masalah itu tahun lalu.

"Saya tidak kenal sama ada mereka syarikat yang diberi hak bangun ladang hutan selepas tahun 2013 atau syarikat yang membeli projek itu daripada syarikat asal.

"Saya tidak tahu tujuan sebenar ia ditularkan semula. Saya telah minta laporan penuh keadaan semasa di kawasan terbabit daripada semua agensi terbabit. Tindakan berikutnya akan dibuat berdasarkan laporan itu," katanya kepada *Sinar Abad* pada Sabtu.

Melalui video itu, seorang lelaki mendakwa kawasan Gunung Inas akan menjadi ladang durian terbesar dengan 500 anak pokok musang king sudah ditanam selain



MUHAMMAD SANUSI

memiliki 550,000 anak pokok.

Mengulas lanjut, Muhammad Sanusi berkata, selepas mengambil alih jawatan Menteri Besar Mei lalu, beliau telah mengarahkan kerja penanaman durian di Gunung Inas dihentikan setelah ia menyebabkan banjir lumpur di beberapa kampung berdekatan.

"Dasar kita jelas, peraturan mesti dipatuhi, pelanggaran undang-



Video tular seorang lelaki mendakwa Gunung Inas dibangunkan sebagai ladang durian musang king terbesar dunia.

undang tidak boleh dikompromi dan kepentingan rakyat mesti diutamakan.

"Projek ladang hutan mesti ditanam spesies dibenarkan Jabatan Perhutanan, durian tidak termasuk spesies itu. Namun, Jabatan Perhutanan membenarkan 20 peratus keluasan diluluskan untuk ditanam spesies buah-buahan," katanya.

Dalam pada itu, Muhammad Sanusi berkata, pihaknya difahamkan ketika itu dilaporkan 809 hektar sudah ditanam durian musang king.

"Bagaimanapun arahan telah dikeluarkan pada Julai 2020 untuk hentikan tanam durian musang king dan kembali kepada tanaman yang dibenarkan untuk ladang hutan ganti di tanah dilu-

luskan manakala tanah yang gondol ditanam dengan tanaman tutup bumi untuk elak hakisan," katanya.

Muhammad Sanusi berkata, getah yang ditanam pada 2012 sudah mula ditoreh beberapa tahun lalu dan diuruskan Kedah Agro Sdn Bhd (anak syarikat Menteri Besar Incorporated) dan bukan lagi berkonsepkan ladang rakyat seperti yang dirancang.

"Kelulusan asal untuk ladang hutan ganti diperoleh pada 2007 seluas 5000 hektar oleh Kedah Agro Sdn Bhd dan sebuah syarikat usahasama.

"Projek itu diteruskan kerajaan Pas ketika itu dan diserahkan kepada Jabatan Perhutanan untuk tender terbuka manakala kerja menanam pula diserahkan kepada Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan (KLPPK)," katanya.

## MAFI peruntuk RM146,100 bantu petani terjejas banjir di Kelantan

**RANTAU PANJANG** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan sebanyak RM146,100 bagi membantu petani yang terjejas dengan musibah banjir yang melanda negeri itu pada penghujung tahun lalu dan awal Januari lepas.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, peruntukkan di bawah program MAFI Prihatin itu melibatkan seramai 1,461 petani.

"Sumbangan ini merupakan tanda sokongan kerajaan kepada petani yang terjejas untuk kembali bangkit dan meneruskan tugas mereka membekalkan sumber makanan pada negara," katanya kepada pemberita pada majlis penyampaian bantuan banjir di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Rantau Panjang pada Sabtu.

Menurutnya, hampir 90 peratus petani yang merupakan ahli PPK terkesan dengan musibah itu telah menerima sumbangan tersebut.

Beliau berkata, baki 180 penerima di lima buah PPK akan diagihkan secara berperingkat.

Pada majlis yang sama, Che Abdullah turut menyampaikan cek dari Tabung Bencana Tanaman Padi bernilai RM134,499.60.



Che Abdullah (kanan) menunjukkan bantuan di bawah misi MAFI Prihatin Kelantan yang akan diagihkan kepada petani di Tanah Merah.

Katanya, bantuan itu melibatkan sebanyak 38 orang petani yang mengalami kerugian selepas padi yang diusahakan mereka musnah ditenggelami banjir di Kampung Bendang Luar pada Oktober dan November tahun lalu.

Dalam perkembangan lain, terdahulu Ahli Parlimen Tumpat itu turut turun padang menyampaikan sumbangan kepada 62 ahli PPK Gual Ipoh, Tanah Merah yang terkesan dengan bencana banjir sebelum ini.

Bantuan di bawah Misi MAFI Prihatin Kelantan itu melibatkan petani dari kawasan Air Belaga, Bukit Samak, Sokor, Kuala Tiga, Cermin, Kusial Bharu, Kuala Paku, Peralla, Bukit Pauhan dan Paku.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/2/2021	METRO AHAD	LOKAL	17

# SERBU DAGING DIRAGUI

12 ditahan di gudang simpanan produk sejuk beku tak ikut saluran sah

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi  
mhafis@hmetro.com.my

## Puchong

Sebuah gudang produk sejuk beku disyaki menyimpan bekalan daging sejuk beku tidak mengikut saluran betul diserbu pihak berkuasa di Taman Perindustrian Puchong di sini, kelmarin.

Difahamkan, gudang berkenaan yang dipercayai beroperasi sejak 2005 mem-bekalkan organ dalam lembu termasuk tulang, ekor, perut dan paru ke pasar raya tempatan.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner Razali Abu Samah berkata, dalam serbuan jam 7:30 malam, polis menahan 12 individu termasuk 10 pekerja warga Myanmar.

"Seorang warga tempatan dan seorang warga Hong Kong ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 55b Akta Imigresen 1959/63 kerana disyaki mengambil pekerja



GUDDANG produk sejuk beku yang disyaki menyimpan bekalan daging sejuk beku tidak mengikut saluran yang sah di Taman Perindustrian Puchong.

yang tidak memiliki pas sah.

"Manakala 10 pekerja Myanmar pula disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/1963 iaitu tinggal tanpa pas atau permit yang sah," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Serbuan berkenaan dibantu anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Menurutnya, semua yang ditahan kemudian dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang untuk tindakan lanjut.

"Bagi rampasan bekalan berkenaan, kes diserahkan kepada Maqis untuk tindakan susulan," katanya.



Gudang produk sejuk beku di Taman Perindustrian Puchong yang diserbu kerana menyimpan bekalan daging sejuk beku tanpa mengikut saluran yang betul.

## Gudang simpan daging sejuk beku diserbu

Polis tahan 12 individu, termasuk 10 pekerja warga Myanmar tanpa permit

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Puchong:** Sebuah gudang produk sejuk beku di Taman Perindustrian Puchong, di sini, diserbu pihak berkuasa malam kelmarin kerana disyaki menyimpan bekalan daging sejuk beku tanpa mengikut saluran yang betul.

Gudang sejuk beku itu yang beroperasi sejak 2005 dipercayai membekalkan organ dalaman lembu termasuk tulang, ekor, perut, paru ke pasar raya tempatan.

Dalam serbuan jam 7.30 malam itu, ia dilakukan polis dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selepas menerima maklumat mengenai kegiatan terbabit.

Serbuan turut disertai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksa-

an Malaysia (MAQIS) yang melakukan pemeriksaan terhadap bekalan daging sejuk beku yang dirampas.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner Razali Abu Samah, berkata hasil serbuan itu, polis menahan 12 individu termasuk 10 pekerja gudang warga Myanmar.

"Polis turut menahan seorang warga tempatan dan seorang warga Hong Kong untuk disiasat mengikut Seksyen 55b Akta Imigresen 1959/63 kerana disyaki mengambil pekerja yang tidak memiliki pas sah.

"Sementara 10 pekerja Myanmar itu disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/1963 iaitu tinggal tanpa pas atau permit sah," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Razali berkata, semua yang dilahap kemudian dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang un-



**Polis turut menahan seorang warga tempatan dan seorang warga Hong Kong untuk disiasat mengikut Seksyen 55b Akta Imigresen 1959/63.**

**Razali Abu Samah, Ketua Polis Daerah Serdang**

tuk tindakan selanjutnya.

Katanya, bagi rampasan bekalan berkenaan, kes diserahkan kepada pihak MAQIS untuk tindakan susulan.

# Tubuh hab benih padi ikut zon

Oleh HADI AB. MANAP  
hadi.manap@mediamulia.com.my

**MELAKA:** Setiap zon penanaman padi di negara ini perlu mempunyai hab pengeluaran benihnya sendiri atas beberapa faktor.

Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Mohd. Shakirin Mohd. Zan berkata, langkah itu perlu sebagai instrumen pengawalan penyakit berjangkit yang dikhawatiri boleh memusnahkan keseluruhan bekalan beras negara sekiranya wujud wabak yang tidak diingini menyerang.

Jelasnya, sebagai contoh, benih padi yang dikeluarkan oleh Kedah hanya akan digunakan oleh pesawah-pesawah di zon Utara, manakala untuk zon Selatan pula menggunakan pakai benih padi yang dihasilkan di Johor, Melaka atau Negeri Sembilan.

"Sekarang ini benih padi yang dibekalkan kepada semua pesawah, kita pun tak pasti dari mana datangnya. Sebab itu kadang-kadang ada tanaman padi yang menjadi, kadang-kadang tidak.

"Kalau ada satu hab untuk setiap zon, lebih mudah untuk kita kawal kualiti benih dan potensi serangan penyakit.

"Kerajaan kena bersedia de-



**MOHD. Shakirin Mohd. Zan (kanan)** mencadangkan agar diwujudkan hab pengeluaran benih padi mengikut zon bagi menangani masalah penyakit berjangkit yang dikhawatiri boleh memusnahkan bekalan beras negara. -MINGGUAN/RASUL AZLI SAMAD

ngan apa juga kemungkinan soal serangan penyakit. Tak boleh hanya berharap kepada satu sumber, ia akan membunuh bekalan makanan jika sesuatu wabak berlaku," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Terdahulu akhbar ini melaporkan, Melaka berpotensi menjadi negeri jelapang padi

kedua negara selepas Kedah jika infrastruktur pengairan sawah di negeri ini diberikan perhatian yang sewajarnya.

Meskipun tanaman padi hanya diusahakan di tiga daerah iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin, namun Melaka Tengah memiliki kawasan penanaman terbesar bagi zon

selatan dengan keluasan sawah kira-kira 1,500 hektar.

Keluasan tanah sawah itu mampu menghasilkan pengeluaran beras sebanyak dua kali setahun, sekali gus mampu menampung keperluan seluruh rakyat negeri ini tanpa perlu berharap sumber luar seperti beras import.

## Jualan buah strawberi jatuh mendadak

**CAMERON HIGHLANDS:** Pengusaha kebun strawberi di sini terpaksa menanggung kerugian besar ekoran buah tidak dapat dipasarkan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Presiden Pertubuhan Pekebun Sayur-sayuran Cameron Highlands, Datuk Chai Kok Lim berkata, ketiadaan pelancong ke kawasan tanah tinggi itu menyebabkan lambakan buah hingga pekebun terpaksa menjual dengan harga lelong.

Katanya, harga jualan buah tersebut menurun lebih 70 peratus apabila dijual antara RM8 hingga RM12 bagi satu kilogram (kg) berbanding harga biasa iaitu RM30 hingga RM35.

"Kebanyakan buah strawberi ini dijual kepada pelancong terutama pada musim cuti persekolahan, tetapi disebabkan PKP tiada yang boleh datang ke sini dan menyebabkan buah tidak dapat dijual.

"Bagi mengatasi kerugian yang lebih besar, kami terpaksa hantar buah ke Kuala Lumpur dan Pulau Pinang untuk dilelong. Harga jualan pula amat rendah berbanding biasa," katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Menurut Kok Lim, tiga bulan pertama setiap tahun merupakan waktu terbaik untuk strawberi berbuah di mana buahnya lebih manis, besar dan berwarna cerah berbanding ketika bulan Oktober hingga Disember.

Katanya, bagi tempoh Januari hingga Mac, lebih 1,000 kg buah strawberi dapat dihasilkan bagi keluasan kebun 0.4 hektar berbanding hanya 500 kg bagi bulan Oktober hingga Disember.

"Sebelum ini, semasa PKPP (Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan) jualan agak baik kerana kehadiran pelancong adalah ramai tetapi sekarang saya boleh katakan kosong, tiada yang datang.

"Sekarang ini, kami jual sahaja buah asalkan tidak rugi besar walaupun keuntungannya tidak balik modal.

"Pernah juga cuba jual buah menerusi jualan dalam talian mahupun melalui penghantaran pos namun kaedah itu tidak sesuai kerana keadaan cuaca negara ini menyebabkan buah strawberi tidak boleh bertahan lama," katanya.

## LIPATAN SEJARAH

### Benih anak ikan di Tasik Chenderoh

GAMBAR yang tersiar dalam akhbar *Utusan Malaysia* bertarikh 7 Februari 1969 ini menunjukkan Menteri Pertanian dan Syarikat Kerjasama, Ghazali Jawi dan Menteri Hal Ehwal Sabah, Datuk Ganie Gilong melepaskan 10,000 ekor anak ikan tongsan ke dalam Tasik Chenderoh dekat Kampung Raban, Lenggong, Perak.

Sebelum itu, pada tahun 1962, kira-kira 240,000 ekor anak ikan lampam jawa, ikan tilapia, ikan lee koh dan ikan katla (karak) telah dilepaskan ke dalam tasik tersebut oleh bekas Menteri Pertanian, Aziz Ishak.



Dapatkan maklumat lanjut di Pusat Maklumat dan Arkib Media Mulia Sdn Bhd. Sebarang urusan pertanyaan atau pembelian bahan-bahan arkib sila hubungi 03-74656428 atau email: [info.center@mediamulia.com.my](mailto:info.center@mediamulia.com.my)

# 'MODAL BESAR TAPI BERBALOI'

Penternakan ikan jade perch beri pendapatan lumayan kepada bekas juruterbang



BORMAN menunjukkan anak ikan jade perch yang dibuat pembenihan sendiri.

## AGRO

Oleh Abnor Hamzani  
Abd Manap  
rencana@hmetro.com.my

Tiada siapa menduga, penternakan ikan jade perch diusahakan bekas juruterbang Malindo Air, Borman Khairuddin, 49 sejak 2016 memberi kelebihan kepadanya meneruskan kehidupan seperti biasa blarpun ketika berdepan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Malah Borman turut mengukol penternakan ikan itu yang pada mulanya dianggap hobi dapat memberikan pendapatan lumayan bagi menyara keluarga.

Ketika ditemui di rumahnya di Seremban Dua, Negeri Sembilan, Borman berkata sebaik PKP mula dilaksanakan kerajaan, dia hanya membuat empat kali penerbangan iaitu dua

ke Kuching, Sarawak; satu penerbangan Kota Kinabalu, Sabah dan satu ke Jakarta, Indonesia.

"Berikutan pengurangan operasi penerbangan, syarikat memberi dua pilihan kepada saya pada Julai tahun lalu sama ada mahu mengambil cuti jangka panjang tanpa gaji atau Skim Pemberhentian Sukarela (VSS).

"Blarpun saya antara juruterbang paling kanan selain turut menjadi jurulatih penerbangan dan memeriksa lesen juruterbang bagi Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), saya tidak terkecuali diberi dua pilihan itu.

"Saya akhirnya memilih VSS dan berhenti daripada syarikat berkenaan pada Julai 2020 selepas berkhidmat selama empat tahun dengan Malindo Air," katanya yang sebelum itu pernah menjadi juruterbang Malaysia Airline (MAS) selama 24 tahun.

Borman yang mempunyai 10,500 jam rekod penerbangan berkata dia bernasib baik kerana tidak seperti rakan lain yang perlu mengatur semula kehidupan termasuk mencari kerja lain selepas diberhentikan.

Sepanjang PKP dan kebanyakan masa dihabiskan di rumah, dia belajar menjalankan pembenihan ikan berasal dari Australia itu yang mempunyai Omega 3 paling tinggi.

"Ikan ini jenis manja dan tidak akan bertelur sendiri blarpun dipelihara



IKAN jade perch boleh dimasak dengan pelbagai jenis masakan seperti asam pedas, stim dan goreng berladu.



FOTO ABNOR HAMZANI ABD MANAP

di dalam kolam, kita perlu buat pembenihan dan tidak sangka usaha itu berjaya.

"Ketika ini terdapat lebih 3,000 anak ikan yang dilakukan pembenihan menunggu masa untuk dilepaskan ke dalam kolam di Ulu Bendul, Kuala Pilah," katanya.

Borman berkata PKP Mac lalu turut memberi hukmah apabila ikan yang diternak di tiga kolam di Ulu Bendul tidak diganggu pembesaran dan sebaik PKP Bersyarat

dilaksanakan pada 4 Mei 2020, ikan berkenaan boleh dijual kepada pembeli.

Katanya dia bersyukur kerana usaha yang dibuat sebelum ini berbaloi blarpun ketika awal pembabitan perlu mengeluarkan modal sebanyak RM350,000.

"Ada rakan menganggap saya buat kerja gila kerana sanggup keluar modal besar untuk ternak ikan lain daripada yang lain sebagai hobi apatah lagi tidak ramai yang

mengetahui ikan jenis berkenaan.

"Ikan jade perch saya jual RM35 sekilo manakala harga di restoran boleh mencecah sehingga RM150," katanya.

Malah dia mengakui ada beberapa rakan bekas juruterbang turut meminta bantuannya bagi memelihara ikan berkenaan yang dilihat memberikan pulangan lumayan dengan serius.

Berdasarkan ujian makmal yang dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), jade perch didapati mempunyai Omega 3 lebih tinggi daripada ikan salmon.



BORMAN Khairuddin menunjukkan induk ikan jade perch.



IKAN jade perch ditangkap dari kolam ternakan sebelum dijual kepada pembeli.

KOLEAM ternakan ikan jade perch milik Borman di Kampung Ulu Bendul.